



BANTUAN MAKANAN... Dr. Mohamad Puad Bebit menyampaikan pek makanan dan keperluan asas kepada penduduk kampung.



KENANGAN BERSAMA... Sukarelawan bergambar kenangan bersama penerima sumbangan.

UMS 4WDVC bantu penduduk Kg Lok Batik



DIBAIK PULIH... Struktur dinding di bahagian dapur sedang dibaik pulih.



DIGANTI BARU... Bumbung yang sudah reput dan usang dibuang untuk digantikan dengan yang baru.

NST 22.8.2020 8

KOTA KINABALU: Sekecil-kecil sumbangan diberikan, ia cukup bermakna bagi penerima yang memerlukan dan benarlah kata pepatah "tangan yang memberi lebih baik dari yang menerima".

Nilai inilah yang diterapkan dalam kalangan ahli Kelab Sukarelawan Pacuan Empat Roda Universiti Malaysia Sabah (UMS 4WDVC) sejak ditubuhkan enam tahun lalu demi memupuk budaya kesukarelawan, semangat kerjasama dan membantu komuniti setempat.

UMS 4WDVC yang berkolaborasi bersama dengan Himpunan Ilmuwan Uni-

versiti Malaysia Sabah (HIUMS) mengajukan Projek Penggantian Bumbung Rumah dan Sumbangan Asas Keperluan PKPP nyata mencapai objektif baru-baru ini, apabila 15 ahli secara sukarela turun membantu.

Bagi projek ini, mereka membantu menggantikan bumbung rumah Mineh Pudi, 67 tahun, di Kg. Lok Batik, Tuaran yang strukturnya sudah usang dan reput.

Menurut Timbalan Presiden UMS 4WDVC, Dr. Mohamad Puad Bebit, selain menggantikan bumbung rumah, sukarelawan juga turut menggantikan dind-

ing rumah di bahagian dapur yang hampir roboh.

"Selain kerja-kerja tersebut, kami juga bergotong-royong membersihkan kawasan halaman rumah dan memasang siling bermula awal pagi.

"Pada sebelah petang, kami turut menyerahtarkan sumbangan berupa pek makanan dan keperluan asas kepada 30 ketua keluarga yang kurang berkemampuan," katanya.

Dalam pada itu, Mineh Pudi sangat terharu dan berterima kasih dengan bantuan yang dihulurkan UMS 4WDVC dan

HIUMS.

Beliau yang sudah menetap di rumah tersebut sejak tahun 1987 turut berbangga dengan kerjasama dan sumbangan yang telah diberikan kerana bumbung rumahnya dapat disiapkan dalam tempoh sehari sahaja.

Projek ini juga turut dihadiri oleh Presiden UMS 4WDVC yang merupakan mantan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin, Presiden HIUMS, Prof. Madya Dr. Abdullah Bade dan Timbalan Presiden HIUMS, Prof. Madya Dr. Hasmadi Mamat.